



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2016

Putrajaya, 8 Disember - Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia menganjurkan Majlis Anugerah Cemerlang KKP Kebangsaan 2016 hari ini, di Marriott Putrajaya yang disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem.

Beliau berkata, "Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada organisasi dan individu yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta prestasi cemerlang di dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) ditempat kerja mereka" tambah beliau. Pada tahun ini sebanyak 20 pemenang daripada pelbagai sektor telah diraikan pada majlis anugerah gilang-gemilang ini.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan kadar kemalangan pada tahun 2015 ialah 2.81 per 1,000 pekerja berbanding pada tahun 2014 iaitu 3.10 per 1,000 pekerja. Beliau meminta supaya usaha-usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan ini akan dipertingkatkan lagi agar kadar kemalangan di Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Menurutnya lagi, majikan dan pekerja perlu memberikan komitmen yang baik dalam meningkat tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Media juga turut memainkan peranan dalam mendidik masyarakat berkaitan dengan KKP dengan menyalurkan maklumat yang lebih positif, tepat dan berkesan.

Tamat.

Tarikh siaran : 8 Disember 2016

Dikeluarkan oleh:
Sekretariat Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

.....

Mengenai MNKKP

Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah sebuah badan tertinggi yang bertanggungjawab menentukan halatuju dan dasar Negara berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.

.....